

Tunggu peruntukan Pusat laksana Projek Kasban

?SAYA memohon kerajaan Pusat mempercepat pembinaan benteng cegah banjir dari Jeli terus ke Tumpat, ramai rakyat Kelantan di pinggir Sungai Golok menderita akibat banjir.

- ZULFAKARPETRA:
BHA33320

JABATAN Parit dan Saliran (JPS) negeri kini sedang menunggu peruntukan kerajaan Pusat bagi melaksanakan kerja pembinaan benteng cegah banjir dari Jeli ke Tumpat.

Projek berkenaan yang dikenali sebagai Projek

Kasban memang dalam perhatian JPS kerana kajian serta reka bentuk terperinci mengenainya sudah siap untuk tujuan tender, cuma menunggu bajet saja.

JPS hanya boleh memulakan projek ini apabila peruntukan kerajaan Pusat diterima dan kini semua pihak terutama masyarakat di kawasan berkenaan perlu bersabar memandangkan ia sudah dalam perhatian pihak berwajib.

MAT RAHIM ISMAIL,
Pengarah JPS negeri.

● ZAMAN HURI ISA | BERITA HARIAN



PENDUDUK dan kanak-kanak mengharungi banjir yang melimpah dari pinggir Sungai Golok di Rantau Panjang akibat tiada kerja pembinaan benteng cegah banjir.